



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INVENTORI RELIGIOSITI
PERSONALITI MUSLIM**

JAMIAH HJ. MANAP.

PEKA 2005 2



**KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN
INVENTORI RELIGIOSITI DAN PERSONALITI MUSLIM**

Oleh

JAMIAH HJ MANAP

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Mac 2005



DEDIKASI

Istimewa buat yang dikasihi kerana Allah عز وجل

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN
INVENTORI RELIGIOSITI DAN PERSONALITI MUSLIM**

Oleh

JAMIAH MANAP

Mac 2005

Pengerusi: Profesor Hj. Azimi Hj. Hamzah, Ed.D.

Institut: Pengajian Komuniti dan Keamanan

Islam menawarkan penyelesaian terbaik kepada permasalahan semasa kerana ajaran Islam bersifat stabil dan dinamik. Bagaimanapun, pengaplikasian dan keberkesanan ajaran tersebut tidak dapat diukur kerana bilangan alat ukuran religiositi muslim yang bermutu adalah terhad. Justeru, Inventori Religiositi dan Personaliti Muslim (IRPM) yang mengandungi dua skala iaitu Tasawur Islam dan skala Personaliti Muslim dibangunkan untuk memenuhi keperluan tersebut.

Kajian dibuat untuk menjawab empat objektif utama kajian iaitu membangunkan model religiositi dan personaliti muslim, kesahan kandungan, kesahan gagasan dan kebolehpercayaan inventori menggunakan kaedah penyelidikan kombinasi kualitatif dan kuantitatif.

Model religiositi dan personaliti muslim dibangunkan menggunakan sebahagian daripada pendekatan kualitatif *grounded theory* daripada enam orang pakar dalam bidang agama yang diiktiraf dan memberi sumbangan yang besar dalam



bidang tersebut. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik yang kemudiannya menghasilkan teori dan model religiositi dan personaliti muslim, model pengukuran religiositi muslim dan prinsip pengukuran religiositi muslim. Kesahan kandungan diperolehi melalui penilaian arbiter. Kesahan gagasan diperolehi melalui pendefinisian operasional dan analisis faktor manakala kebolehpercayaan diperolehi melalui analisis kebolehpercayaan *alpha cronbach*.

Kajian mendapati, kesahan kandungan alat ukuran adalah tinggi apabila 80% item skala Tasawur Islam dan 85% item skala Personaliti Muslim telah dipersetujui lebih daripada 71.4% arbiter. Kesahan gagasan skala pengukuran adalah tinggi kerana dibina menggunakan pendekatan rasional dan pendefinisian operasional gagasan. Hasil analisis faktor yang dilakukan pula menguatkan lagi kesahan gagasan melalui dua faktor yang diperolehi. Kebolehpercayaan alat ukuran adalah tinggi iaitu .8056 bagi skala Tasawur Islam dan .9607 bagi skala Personaliti Muslim.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the Master of Science.

**VALIDITY AND RELIABILITY
OF MUSLIM RELIGIOSITY AND PERSONALITY INVENTORY**

By

JAMIAH MANAP

Mac 2004

Chairman: Professor Hj. Azimi Hj. Hamzah, Ed.D.

Institute: Community and Peace Studies

The Muslim Religiosity and Personality Inventory was developed to fulfill the need for a religiosity and personality measurement from the Islamic perspective. The inventory comprises two scales, which are: 1) Tasawur Islam Scale; and 2) Muslim Personality Scale.

The objective of the current research was to develop a religiosity and personality measurement model, and establish content validity, construct validity and reliability of the inventory using a combination of qualitative and quantitative research approaches.

The religiosity and personality model was developed using a part of grounded theory approach in qualitative methodology and conducted with six Islamic scholars who have contributed much to their respective fields. The data was analyzed using thematic analysis to develop a theory and model of Muslim religiosity and personality, a model of Muslim religiosity and personality measurement, and the

principles of Muslim religiosity. Content validity was achieved through arbiters' evaluations. Construct validity was developed through operational definitions and factor analysis while reliability was developed through *alpha cronbach* reliability analysis.

The results show that the content validity of the items was high. The majority of the arbiters (71.4% or above) accepted 80% of the items of the Islamic Worldview scale and 85% of the items of the Muslim Personality scale. Construct validity of the items were also high, as they were developed using the rational approach. The results from factor analysis also supported the construct validity of the instrument, as the test clearly revealed two separate factors. Reliability of the instruments was also high with alpha Cronbach scores of .8056 for the Islamic Tasawur scale and .9607 for the Muslim Personality scale.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah عزوجل. Detik yang bersejarah ini akhirnya tiba jua. Sempurnalah sudah sebuah tesis yang menuntut kesabaran, istiqamah dan iltizam. Jutaan syukur yang tidak dapat dilafazkan dengan kata-kata.

Terima kasih sekalung budi kepada semua pihak yang telah terlibat di dalam penyempurnaan tesis ini khususnya Prof. Dr. Hj. Azimi Hamzah, Prof. Madya Dr. Sidek Noah, Ustaz Hasnan Kasan, Prof. Dr. Turiman Suandi, Prof. Madya Dr. Khairul Anwar Mastor, Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari, Puan Azma Mahmood, Encik Abdul Lateef Abdullah dan Saudari Zanariah Mohd. Nor.

Kepada warga kerja PEKKA khususnya Prof. Rahim Sail, terima kasih diucapkan. Begitu juga kepada kakitangan di JPPPL khususnya Prof. Madya Dr. Azahari Ismail, Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah dan semua pensyarah yang telah memberi didikan dan sokongan kepada saya, terima kasih diucapkan.

Buat keluarga tercinta dan teman-teman seperjuangan, terima kasih diucapkan. Semoga tesis ini bermanfaat kepada masyarakat dan negara serta menjadi titik permulaan yang bermakna kepada penglibatan diri saya dalam bidang akademik.



JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI GLOSARI	xviii
BAB	
1 PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Latar belakang Pembentukan Pengukuran Personaliti	2
Pengukuran Personaliti dan Disiplin Psikologi	3
Pengukuran dan Agama	4
Agama Islam Sebagai Landasan Pengukuran Psikologi	6
Situasi Pengukuran Personaliti Keagamaan	11
Penggunaan Alat pengukuran Psikologi	12
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukuran	14
Pernyataan Masalah	16
Objektif Kajian	18
Persoalan Kajian	19
Kepentingan Kajian	20
Skop Kajian	21
Batasan Kajian	22
Definisi Istilah	24
Islam	23
Iman	23
Ihsan	24
Muslim	25
Mukmin	25
Muhsin	25
Akhlak	25
Akidah	26
Kebolehpercayaan	27
Kesahan	28
Personaliti	30
Religiositi daripada Perspektif Islam	31
Rumusan	31



2	SOROTAN LITERATUR	
	Pengenalan	33
	Religiositi	33
	Religiositi dan Personaliti	35
	Personaliti	36
	Fitrah Kejadian Manusia	38
	Religiositi daripada Perspektif Islam	40
	Ruang Lingkup Religiositi daripada Perspektif Islam	41
	Dimensi Religiositi Daripada Perspektif Islam	41
	Islam	43
	Iman	51
	Ihsan	57
	Tahap Personaliti Religiositi Daripada Perspektif Islam	60
	Muslim	60
	Mukmin	62
	Muhsinin atau Muttaqin	62
	Akhlak Daripada Perspektif Islam	64
	Ruang Lingkup Akhlak Islam	66
	Hubungan Antara Akhlak dan Iman	68
	Manusia Yang Mufliis di Akhirat	69
	Pembangunan Akhlak	70
	Perkaitan Antara Akhlak Etika dan Moral	71
	Ciri-ciri Akhlak Mulia	72
	Peranan dan Tujuan Religiositi Daripada Perspektif Islam	99
	Pembangunan Personaliti	99
	Pencegahan Gejala Sosial	101
	Kesejahteraan Sejagat	102
	Pembangunan Religiositi dan Personaliti	
	Daripada Perspektif Islam	104
	Pemantapan Personaliti	104
	Pembudayaan Ilmu	108
	Pembudayaan Nilai-Nilai Islam	110
	Sinergi: Integrasi Antara Institusi Utama Komuniti	115
	Penguatkuasaan Undang-Undang	116
	Personaliti Daripada Perspektif Islam	117
	Personaliti Hati Manusia	117
	Ciri-ciri Personaliti Muslim	118
	Personaliti Jiwa Manusia Daripada Perspektif	
	Imam Al-Ghazali	120
	Personaliti Pekerja Daripada Perspektif Islam	121
	Teori Pengukuran Personaliti	122
	Konsep Asas	122
	Pendekatan Dalam Pengukuran Psikologi	123
	Kegunaan Pengukuran Psikologi	124
	Pendekatan Pembentukan Inventori Psikologi	125
	Kriteria Asas dalam Penilaian Pengukuran Tingkah laku	126
	Statistik Dalam pengukuran	126

Metodologi Penyelidikan Kualitatif: <i>Grounded Theory</i>	138
Pengumpulan Data	139
Penggunaan Sorotan Literatur	140
Kelebihan Pendekatan <i>Grounded Theory</i>	140
Rumusan	141
3 METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan	142
Rekabentuk Kajian	142
Rangka Konsep Kajian	144
Konseptualisasi dan Pembentukan Model	144
Pembangunan dan Analisis Item	146
Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan	146
Lokasi Kajian	147
Sampel Kajian	147
Tatacara Kajian	150
Konseptualisasi dan Pembentukan Model	150
Pembangunan dan Penilaian Item	160
Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan	161
Analisis dan Interpretasi Data	169
Konseptualisasi dan Pembentukan Model	169
Pembangunan dan Penilaian Item	180
Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan	181
4 KEPUTUSAN : PEMBANGUNAN DAN PEMBENTUKAN MODEL	
Pengenalan	185
Dimensi Religiositi Daripada Perspektif Islam	186
Islam	187
Iman	187
Ihsan	188
Tahap Religiositi	189
Muslim	189
Mukmin	191
Muhsin	192
Ruang Lingkup Religiositi	194
Peranan Religiositi	196
Membangunkan Personaliti	196
Mencegah Penyakit Sosial Di Dalam Masyarakat	198
Memelihara Kesejahteraan Sejagat	199
Pembangunan Religiositi dan Personaliti Muslim di Malaysia	199
Pembudayaan Ilmu	199
Program Pemantapan Personaliti	203
Pembudayaan Nilai Islam Secara Bersepadu	205
Penguatkuasaan Undang-Undang	207

Model Religiositi Daripada Perspektif Islam	208
Ruang Lingkup Religiositi Muslim	208
Piramid Religiositi	208
Fasa Religiositi	208
Pelan Strategik Pembangunan Religiositi	212
Bulatan Pencapaian Al-Falah	214
Model Pengukuran Religiositi Daripada Perspektif Islam	216
Prinsip Pengukuran Religiositi Daripada Perspektif Islam	219
Prinsip Pertama	220
Prinsip Kedua	221
Prinsip Ketiga	222
Prinsip Keempat	224
Prinsip Kelima	225
Prinsip Keenam	226
Prinsip Ketujuh	227
Model Prinsip Pengukuran Religiositi	228
5	
KEPUTUSAN: ANALISIS ITEM, KESAHAN & KEBOLEHPERCAYAAN	
Pengenalan	230
Analisis Item	230
Pembangunan Item	231
Analisis Item	233
Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan	235
Penilaian Arbiter	235
Kebolehpercayaan	238
Analisis Faktor	239
Pendefinisian Gagasan	244
Perbincangan	248
Analisis Item	248
Kesahan Kandungan	249
Kesahan Gagasan	251
Kebolehpercayaan	252
6	
KESIMPULAN, IMPLIKASI & CADANGAN	
Pengenalan	254
Penyataan Masalah	254
Objektif Kajian	255
Metodologi Kajian	255
Konseptualisasi dan Pembentukan Model	255
Pembangunan dan Analisis Item	256
Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan	257
Penemuan Kajian	258
Penemuan Konseptualisasi dan Pembentukan Model	258
Penemuan Analisis Item	258
Penemuan Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan	259
Kesimpulan Kajian	260

Implikasi Kajian	261
Implikasi Teoritikal	261
Implikasi Praktikal	263
Cadangan	263
BIBLIOGRAFI	265
LAMPIRAN	
BIODATA PENULIS	333

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Kriteria Asas Penilaian Pengukuran Tingkah laku (Robinson, Shaver & Wrightsman, 1991).	127
2. Bilangan Persampelan Kajian Mengikut Kategori Belia	149
3. Cara Pemarkahan bagi Skala Tasawur Islam	231
4. Cara pemarkahan bagi Skala Personaliti Muslim	233
5. Keputusan Analisis Skala Ukuran Tasawur Islam	281
6. Keputusan Analisis Item Skala Personaliti Muslim	285
7. Kesahan Kandungan Skala Tasawur Islam	236
8. Kesahan Kandungan Skala Personaliti Muslim	237
9. Kebolehpercayaan Skala Tasawur Islam	239
10. Kebolehpercayaan Skala Personaliti Muslim	239
11. Keputusan Ujian <i>Kaiser-Meyer-Olkin</i> (KMO) dan <i>Bartlett's Test</i> Enam Angkubah Alat Ukuran	241
12. Faktor Pemuatan, Kommunaliti (h^2), Nilai Eigen dan Peratus Varians Untuk Prinsip Analisis Komponen dan Putaran Varimaks dalam Enam Angkubah Alat Ukuran	242
13. Maklum Balas Penilaian Arbiter Skala Tasawur Islam	317

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Model Nukleitik (Tunku Sarah Tunku Mhd Jiwa, 1999)	9
2. Model Pembentukan Alat Ukuran (Brown, F.G., 1983)	13
3. Model Aliran Proses Teknikal Bagi Menentukan Kesahan Gagasan Sesuatu Alat Ukuran (Sidek Mohd. Noah, 1995)	15
4. Empat Personaliti Manusia Menurut Sheikh Abdul Kadir Jailani	120
5. Persampelan Teori: Perhubungan Pengumpulan Data/ Penganalisan Data (Punch, K. F. (1998)	139
6. Rangka Konsep Metodologi Pembentukan IRPM: Kesahan dan Kebolehpercayaan	145
7. Carta Aliran Analisis Tematik	171
8. Definisi dan Pembahagian Dimensi Gagasan Tasawur Islam	183
9. Definisi dan Pembahagian Dimensi Gagasan Personaliti Muslim	184
10. Model Religiositi Daripada Perspektif Islam	209
11. Model Pengukuran Religiositi dan Personaliti daripada Perspektif Islam	217
12. Model Prinsip Pengukuran Religiositi	229
13. Plot Skri untuk Analisis Faktor Penerokaan	243

SENARAI GLOSARI

Al-Birr	Himpunan segala perbuatan baik
Al-Khairr	Setiap perbuatan yang mendatangkan kebaikan dan menghalang kemudaran demi mendapatkan keredaan Allah عز وجل
Al-Falah	Berjaya dan mendapat keredhaan Allah di dunia dan akhirat
Al-Quran	Kitab suci yang diturunkan kepada nabi Muhammad dengan perantaraan malaikat Jibril ﷺ sebagai wahyu terakhir untuk semua manusia dan jin
Amarah	Nafsu yang dikuasai dengan sifat-sifat yang buruk
Amal Soleh	Amalan-amalan yang baik dan mendapat keredhaan Allah serta akan dibalas dengan balasan yang baik di akhirat
Daruriyat	Kepentingan
Fitrah	Keadaan sebenar kejadian manusia
Hadith	Perbuatan dan perkataan yang diucapkan dan dibenarkan oleh Nabi Muhammad ﷺ
Haji	Menyempurnakan rukun-rukun haji di Mekah
Halal	Perkara yang dibenarkan oleh Syarak
Haram	Perkara yang dilarang oleh Allah dan mendapat dosa jika melakukannya
I'tiqad	Kepercayaan
Ibadah	Pengabdian diri kepada Allah عز وجل
Iffah	Menjaga maruah
Ilmu	Pengetahuan yang berguna
Injil	Kitab yang diturunkan kepada nabi Isa
Istiqamah	Berterusan melakukan sesuatu perkara
IPS	Inventori Personaliti Sidek

IRPM	Inventori Religiositi dan Personaliti Muslim
ISTAC	Institut Pemikiran dan Tamadun Islam
Jibril	Malaikat yang menyampaikan wahyu Allah عز وجل kepada para nabi dan Rasul
Jihad	Berjuang di jalan Allah
Hajiyat	Keperluan-keperluan manusiawi yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam
Kafir	Tidak beriman kepada Allah عز وجل
Khudu'	Patuh
Lawamah	Nafsu yang cenderung kepada kebaikan dan kejahatan
Mashiah	Kehendak Allah عز وجل
Mua'asir	Sesuai dengan realiti semasa
Muhsin	Orang yang mempunyai kualiti ihsan
Mukmin	Orang yang beriman kepada Allah عز وجل
Munafik	Orang yang berpura-pura beriman
Muraqabah	Mendekatkan diri kepada Allah عز وجل
Musyahadah	Sentiasa mengingati Allah عز وجل
Musleh	Reformis Islam yang membawa ajaran Al-Quran dan sunnah
Mutmainah	Nafsu yang cenderung kepada kebaikan
Nafsu	Keadaan jiwa
PAF	<i>Principle Axis Factoring</i>
Pemuatan	Perkaitan item kepada faktor tertentu
PC	<i>Principle Component</i>
PEKKA	Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan
Qada'	Pelaksanaan takdir pada masa dan tempat yang telah ditetapkan

Qadar	Ketentuan Allah عز وجل bagi setiap makhluk sejak azali lagi
Sedekah	Pemberian yang dibuat kerana Allah عز وجل tanpa mengharap sebarang balasan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
Syirik	Menyekutukan Allah عز وجل dengan sesuatu
Syubhat	Perkara yang diragui kehalalan atau keharamannya
Takwa	Takut kepada Allah عز وجل dengan mematuhi perintah Allah عز وجل dan meninggalkan larangan Allah عز وجل
Taklid	Mengikut pendapat orang lain tanpa mengetahui sumber yang sahih
Tasawur	Pandangan semesta atau perspektif hidup
Tauhid	Mengesakan Allah عز وجل
Tarekat	Jalan ke arah mendekati diri kepada Allah
Tahsiniyat	Perhiasan dan keelokan yang tidak melanggar perintah Allah
Tasdik	Membenarkan
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah
Wuduk	Menyucikan diri daripada hadas kecil
Zabur	Kitab yang diturunkan kepada nabi Daud A.S.

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang berdaulat (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004) dan berupaya menjadi pusat perkembangan tamadun Islam yang cemerlang (Syed Othman Al-Habshi, 2002). Pembentukan generasi muda yang beragama dan berketrampilan merupakan asas kekuatan ummah dan visi Malaysia pada 2020. Generasi yang jauh daripada agama akan terdedah kepada pelbagai gejala sosial akibat nilai, gaya hidup dan gaya fikir yang negatif sekaligus menjejaskan pegangan dan personaliti keagamaan yang mantap. Walau bagaimanapun, semua ini hanya dapat diperhatikan secara umum kerana tidak mempunyai dimensi yang jelas dan inventori yang dapat menjelaskan fenomena sebenar dengan tepat. Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk membentuk alat pengukuran keagamaan dan personaliti keagamaan daripada perspektif Islam.

Bab ini merupakan bab pengenalan bagi memahami kajian yang dibuat secara menyeluruh. Antara intipati utama bagi bab ini adalah latar belakang alat pengukuran religiositi dan personaliti beragama dan penyataan masalah bagi kajian.

Selain itu bab ini turut membincangkan kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah bagi pembolehubah kajian.

Latar Belakang Alat Ukuran Personaliti

Pengukuran personaliti bermula di China 3000 tahun sebelum Masihi melalui kaedah *palmistry* atau kaedah piawai membaca personaliti melalui tapak tangan (Lanyon & Goodstein, 1997). Astrologi atau kaedah mengenal pasti personaliti melalui horoskop iaitu konfigurasi bintang kelahiran individu pula diperkenalkan di Mesopotamia 2500 tahun dahulu (Lanyon & Goodstein, 1997). Fisiognomi atau kecenderungan terhadap penilaian personaliti berasaskan paras rupa fizikal turut diamalkan oleh masyarakat Greece dan India sejak 2500 tahun dahulu (Lanyon & Goodstein, 1997). Teknik tersebut masih digunakan sehingga kini walaupun mengandungi kesan *Barnum* iaitu individu percaya bahawa deskripsi tafsiran berkenaan personaliti dirinya adalah benar (Lanyon & Goodstein, 1997). Di Eropah, teknik ini bermula di zaman *Rennaisance* dan menjadi popular pada kurun ke-18 (The Personology Foundation of The Specific, 2002). Penologi atau pengukuran personaliti berasaskan rupa bentuk tengkorak manusia pula diperkenalkan oleh seorang ahli fizik Jerman iaitu Franz Joseph Gall (Lanyon & Goodstein, 1997).

Pengukuran personaliti dengan menggunakan kaedah saintifik bermula di Eropah pada tahun 1915 melalui kaedah analisis faktor dan biografi (Lanyon & Goodstein, 1997). Pada 1920-an, pengukuran personaliti menjadi antara fokus utama kajian ahli akademik (Lanyon & Goodstein, 1997). Perkembangan kepada pengukuran

personaliti telah melalui beberapa era iaitu daripada pengukuran berbentuk kualitatif kepada kuantitatif atau psikometrik (Lanyon & Goodstein, 1997). Pada 1930-an, kaedah pengukuran psikometrik atau inventori personaliti mula diperkenalkan (Lanyon & Goodstein, 1997). Fokus dalam bidang ini dibuat untuk mendapatkan deskripsi tepat terhadap personaliti individu dan membantu dalam proses pembuatan keputusan yang praktikal (Lanyon & Goodstein, 1997). Kini, terdapat ribuan jenis ujian psikologi telah diperkenalkan untuk mengukur personaliti seseorang dan digunakan secara meluas di sekolah, universiti, hospital mental, penjara dan jabatan-jabatan kerajaan serta swasta dalam proses kaunseling, penilaian dan pemilihan (Sidek Mohd. Noah, 1998).

Pengukuran Personaliti dan Disiplin Psikologi

Sahsiah dan tamadun manusia adalah dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Bagaimanapun, tamadun yang tidak didukung oleh kesucian akal dan jiwa menyebabkan kerencatan pembangunan fizikal dan psikologi seterusnya meningkatkan kadar neurosis, psikotik dan penyakit fizikal (Mehdi Ben Abboud, 2003). Istilah tamadun juga seringkali dikaitkan dengan modenisasi namun modenisasi kini seolah-olah sinonim dengan istilah 'pencemaran' persekitaran yang mengancam tubuh dan roh manusia sehingga martabatnya jatuh lebih rendah daripada haiwan (Mehdi Ben Abboud, 2003). Tamadun Barat dibangunkan berasaskan ideologi humanisme yang menolak panduan Ilahi dan modenisme yang menolak kewujudan hari akhirat (Nik Mustapha Nik Hasan, 1995). Sehubungan itu, modenisme Barat mengakibatkan nilai, norma dan tingkah laku manusia berubah

mengikuti keperluan dan permintaan semasa kerana pengabaian nilai rohani, etika dan agama (Mehdi Ben Abboud, 2003).

Menyedari hakikat itu, disiplin psikologi kini berkembang daripada disiplin Humanistik, Freudian dan Behavioristik kepada daya paradigma keempat iaitu *Transpersonal*. *Transpersonal* merupakan kaedah psikoterapi yang menekankan kepada dimensi rohani manusia dalam proses psikologi (Mohammad Daud Hamzah & Musa Garba Maitafsir, 2003). Transformasi ini menunjukkan kecenderungan ahli psikologi terhadap elemen rohani, intelek dan emosi. Kesedaran terhadap dimensi kerohanian ini juga telah mendorong ahli psikologi dan para sarjana Kristian membangunkan ratusan alat ukuran yang berasaskan ajaran agama Kristian.

Pengukuran dan Agama

Dimensi rohani dan keagamaan adalah aspek universal manusia yang terpenting (Mehdi Ben Abboud, 2003). Ahli psikologi dan agama berpendapat bahawa agama membentuk sikap dan perilaku manusia (Lovel, 1999), mendorong manusia melakukan kebaikan dan hidup secara bermoral (Muhammad Abdul-Hadi Abu Reidah, 2003d) serta beretika (Mohammad Daud Hamzah & Musa Garba Maitafsir, 2003). Muhammad Abdul Hadi Abu Reidah (2003b), menyokong pendapat Al-Razi bahawa nilai-nilai agama perlu direalisasi sepenuhnya untuk memelihara kesejahteraan roh manusia. Ini bersesuaian dengan pendapat Mohammad Daud Hamzah & Musa Garba Maitafsir (2003), yang mengaitkan kesejahteraan manusia